

Jumlah penganggur terus menurun

PETALING JAYA: Jumlah penganggur pada Mac terus menurun kepada 566,600 orang, mencatatkan kadar pengangguran di Malaysia sebanyak 3.3 peratus, menurut Jabatan Perangkaan.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi Mac 2024, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kedudukan ekonomi yang menggalakkan pada Mac lalu telah membolehkan pasaran buruh negara untuk mengekalkan pertumbuhan yang stabil.

"Justeru, bilangan tenaga buruh pada bulan tersebut terus mengukuh sebanyak 0.1 peratus merekodkan 17.10 juta orang berbanding 17.7 juta orang pada Februari lalu.

"Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.3 peratus berbanding 70.2 peratus pada Februari lalu, menunjukkan penyertaan buruh yang lebih tinggi dalam pasaran," katanya dalam kenyataan.

Jelas beliau, bilangan penduduk bekerja terus menunjukkan trend menaik, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 16.53 juta orang, berbanding 16.51 juta orang yang direkodkan pada Februari 2024.

"Sebaliknya, bilangan penganggur pada Mac berubah sedikit kepada 566,600 orang, dengan penurunan kecil iaitu sebanyak 0.1 peratus berbanding 567,000 pada bulan sebelumnya.

"Kadar pengangguran pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada 3.3 peratus seperti pada Februari 2024," ujarnya.

Mengulas lebih lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, beliau berkata, pada Mac 2024, sebanyak 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja berada dalam kategori pekerja, mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.42 juta orang berbanding 12.41 juta orang pada Februari 2024.